

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 14 OKT 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status keselamatan terkini di wilayah keselamatan yang ditadbir oleh *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOMM) setelah berlakunya siri pencerobohan dan penculikan baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, status keselamatan di kawasan *ESSZONE* adalah selamat dan terkawal ketika ini. Ia adalah hasil dari langkah dan tindakan yang telah diambil dalam memperketatkan keselamatan di *ESSZONE*. Antara tindakan yang diambil seperti berikut:

- (i) Menambahkan kekuatan anggota-anggota dari ATM, PDRM dan APMM di sepanjang kawasan *ESSZONE* dengan menempatkan keanggotaan tambahan di semua pos-pos kawalan dan mempertingkatkan aset-aset di laut bagi mengawal perairan dan mewujudkan cegah rintang.
- (ii) Pengukuhan tahap keselamatan (*target hardening*) di pusat-pusat peranginan, pusat ternakan ikan, ladang rumpai laut, ladang akuakultur di persisiran pantai telah dipertingkatkan dengan menempatkan anggota-anggota keselamatan, pemasangan alat-alat pengawasan dan pelaksanaan rondaan khususnya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi berlaku penculikan untuk tebusan.
- (iii) ESSCOM juga telah melaksanakan program meningkatkan kesedaran keselamatan kepada komuniti maritim di *ESSZONE*. Langkah ini bertujuan memberikan kesedaran serta

menyarankan beberapa langkah yang perlu diambil oleh mereka bagi meningkatkan aspek keselamatan di samping mewujudkan pemantauan oleh anggota keselamatan yang bertugas bagi mengelakkan mereka dari menjadi mangsa jenayah khususnya penculikan untuk tebusan.

- (iv) Lawatan daripada Pesuruhjaya Tinggi British dan Kedutaan Jepun ke *ESSZONE* bagi tujuan mengkaji semula '*Travel Advisory*' turut berpuas hati dengan tahap keselamatan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh ESSCOM.
- (v) Sehubungan dengan itu, sejak bulan Julai 2014, ketibaan pelancong-pelancong asing mula menunjukkan peningkatan. Perangkaan data tempahan di pusat-pusat peranginan juga menunjukkan peningkatan ketibaan dan tempahan di kalangan pelancong asing mulai minggu pertama Oktober 2014 hingga Disember 2014.
- (vi) Kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada kemampuannya untuk menyediakan tahap kualiti dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Oleh itu, dalam memastikan masyarakat di *ESSZONE* terus sejahtera, Bajet 2015 memberi peruntukan kepada ESSCOM untuk tujuan memperkukuhkan keselamatan dan pertahanan melalui pembelian aset tambahan dan urusan pentadbiran. Antara strategi yang akan dilaksanakan adalah pembelian aset tambahan oleh APMM, pembinaan baru kem batalion 20 PGA

di Beluran dan pembinaan baru kem ATM Batalion Felda  
Sahabat, Desa Kencana.

Sekian. Terima Kasih.